

Headline	Malaysia rancang komersial kulit ular sawa ke Eropah		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	09 Oct 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	14	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	349 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,794
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,381



# Malaysia rancang komersial kulit ular sawa ke Eropah

**KUALA LUMPUR 8 Okt.** - Kerajaan merancang mendapatkan kelulusan daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi mengkomersialkan kulit ular sawa tempatan ke pasaran Eropah.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, langkah itu berikutan bilangan ular sawa di Semenanjung ketika ini mencecah antara 600,000 hingga tiga juta ekor dan paling mudah ditemui di kawasan ladang kelapa sawit.

Katanya, kuota perdagangan kulit reptilia tersebut di Semenanjung sebanyak 168,000 ekor manakala Sabah 3,000 ekor, namun reptilia tersebut masih menjadi haiwan yang dilindungi di Sarawak.

"Malaysia antara 182 negara yang menandatangani Konvensyen Terhadap Perdagangan Antarabangsa dalam Spesies Terancam Flora dan Fauna (CITES) di bawah Program Alam Sekitar PBB (UNEP), iaitu membenarkan operasi pemburuan dan perdagangan spesies terancam.

"Jadi, apabila kelulusan dari PBB diperoleh, kerajaan Malaysia akan menentukan kawalan dan lesen merujuk kuota yang dibenarkan CITES berdasarkan laporan populasi reptilia terkawal. Ini bermakna yang CITES bersetuju mengenai kuota dan kita mengawal selia dan kawalan situasi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Sambutan Ulang Tahun Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Kali Ke-31 dan Pelancaran Akta FRIM 2016 di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha (Alam Sekitar), Datuk Seri Dr. Azimuddin Bahari dan Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod.

Dalam perkembangan lain, Wan Junaidi berkata, Akta FRIM yang berkuatkuasa 1 Oktober lalu membolehkan institusi tersebut

menjalankan aktiviti komersial melalui hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) selain menubuhkan syarikat bagi menjana pendapatan sendiri.

Katanya, usaha pengkomersialan tersebut dijangka akan dapat membantu FRIM mengurangkan kebergantungan terhadap dana kerajaan serta mencapai tahap 'sara diri' dalam tempoh lima tahun.



**Jadi, apabila kelulusan dari PBB diperoleh, kerajaan Malaysia akan menentukan kawalan dan lesen merujuk kuota yang dibenarkan CITES berdasarkan laporan populasi reptilia terkawal."**

**WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR**  
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar



**WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR** (depan, tiga dari kiri) melepaskan peserta Rimbathon 2016 dalam majlis sambutan Ulang Tahun Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Ke-31 dan pelancaran Akta FRIM 2016 di Dataran FRIM, Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA